

**Teks Ucapan Sambutan Hari Penerima FELDA 2021**

By : YAB TAN SRI DATO' HAJI MUHYIDDIN BIN HAJI MOHD  
YASSIN

Date : 07/07/2021

---

**TEKS UCAPAN  
YAB TAN SRI DATO' HAJI MUHYIDDIN BIN HAJI MOHD  
YASSIN  
PERDANA MENTERI**

**Sempena**

**SAMBUTAN HARI PENEROKA FELDA 2021  
7 Julai 2021**

Bismillahirrahmanirrahim

Yang Berhormat Dato' Sri Mustapa Mohamed,  
Menteri Di Jabatan Perdana Menteri (Ekonomi)

Yang Berhormat Dato' Seri Haji Idris Jusoh,  
Pengerusi FELDA

Yang Berbahagia Dato' Amiruddin Abdul Satar,  
Pengarah Besar FELDA

Yang Berusaha En. Sulong Jamil Mohamed Shariff,  
Ketua Peneroka FELDA Kebangsaan

Kumpulan Pengurusan FELDA,

Wakil-Wakil Peneroka FELDA,

Para hadirin yang dihormati sekalian  
Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan salam sejahtera.

Apa khabar saudara-saudari warga FELDA semua? Alhamdulillah, saya panjatkan kesyukuran ke hadrat Allah SWT kerana atas limpah rahmat-Nya, kita dapat meraikan Sambutan Hari Peneroka FELDA 2021 pada hari yang berbahagia ini.

Walaupun hanya dapat bertemu secara maya, Hari Peneroka ini amat penting disambut bagi meraikan sumbangan warga peneroka yang telah menjadi nadi kepada FELDA sejak penubuhannya 65 tahun lalu, sehingga FELDA kekal ke hari ini sebagai penyumbang penting kepada ekonomi negara.

Kejayaan FELDA satu ketika dahulu diperakui dan dijadikan model pembangunan tanah oleh negara luar. Kejayaan ini termasuklah usaha membasmi kemiskinan, meningkatkan hasil komoditi negara dan meningkatkan taraf hidup masyarakat khususnya di luar bandar.

Dengan kelebihan bank tanah seluas 832 ribu hektar atau lebih 2 juta ekar, FELDA mempunyai keupayaan dan potensi besar untuk kembali menjadi syarikat perladangan terulung dunia. Seperti rakyat Malaysia yang lain, saya mahu melihat nama FELDA terpampang dalam senarai syarikat-syarikat global paling berjaya seperti di dalam Fortune Global 500. Saya sedar ini bukanlah sesuatu yang mudah, namun dengan strategi serampang tiga mata (“Restart, Revitalise dan Reform”) dan dengan komitmen pihak pengurusan baru serta sokongan Kerajaan, ia tidak mustahil untuk dicapai.

## **“RESTART” – PENJANAAN SEMULA**

Saudara dan saudari yang saya kasihi sekalian,

Untuk FELDA kembali bangun setanding dengan syarikat perladangan terkemuka dunia, pihak Kerajaan telah mengenal pasti salah satu isu yang mampu merencatkan visi tersebut, iaitu isu hutang yang membelenggu FELDA dan warga pewaris para peneroka semenjak sekian lama. Isu hutang ini harus diperbetulkan dahulu untuk memudahcarakan proses penjanaaan semula atau ‘restart’ FELDA.

Justeru saya berbesar hati mengumumkan bahawa secara dasarnya, Kerajaan telah bersetuju dengan cadangan pihak FELDA untuk melupuskan sebahagian pinjaman peneroka berjumlah RM8.3 bilion melalui inisiatif pelarasan pinjaman peneroka secara bersyarat terutama bagi generasi awal yang telah berkorban keringat dan air mata untuk membolehkan program rancangan pembangunan tanah ini dijayakan.

Pelupusan bersyarat ini antaranya merangkumi:

i) Pelarasan sebahagian baki pinjaman tanam semula sehingga 31 Disember 2019, berjumlah RM8.0 bilion, yang akan memberi manfaat kepada 92,441 orang peneroka (iaitu meliputi 82% dari keseluruhan 112,638 warga peneroka);

ii) Pelarasan sebahagian baki tunggakan pinjaman baja sehingga 31 Disember 2019, berjumlah RM168 juta, melibatkan 52,180 peneroka (iaitu meliputi 46% warga peneroka);

iii) Pelarasan sepenuhnya baki pinjaman saham FGV Holdings Bhd sehingga 7 Julai 2021, bernilai RM78 juta, melibatkan 38,043 peneroka (iaitu meliputi 34% warga peneroka); dan

iv) Pelarasan sepenuhnya baki pinjaman pembangunan asal sehingga 31 Disember 2019, berjumlah RM56 juta, yang akan dinikmati 6,711 orang peneroka (iaitu kira-kira 6% warga peneroka).

Dengan inisiatif ini, bebanan pinjaman yang ditanggung peneroka akan berkurangan sebanyak purata 80% setiap peneroka. Purata bayaran balik pinjaman pula dijangka berkurangan daripada sekitar RM800 – RM1000, kepada hanya RM250 – RM300 sebulan bagi peneroka sawit dan serendah RM150 bagi peneroka getah iaitu satu kadar yang sangat munasabah dan mampu dibayar oleh mereka.

Saya berharap dengan usaha yang diambil oleh Kerajaan ini, ia akan menjadi titik tolak atau 'reset button' untuk warga peneroka di seluruh negara menjadi lebih bersemangat dan lebih fokus dalam melipatgandakan hasil serta pendapatan mereka. Ini sekaligus bakal mengupayakan pengurusan kewangan termasuk pinjaman mereka dengan lebih berhemat dan tidak lagi membebankan pada masa depan.

Saya amat berharap dengan perjanjian baharu yang akan ditandatangani oleh peneroka dengan FELDA di bawah inisiatif pelarasan pinjaman bersyarat ini, warga peneroka akan lebih komited dalam memenuhi segala terma yang dipersetujui kelak agar dapat sama-sama memikul tanggungjawab meningkatkan produktiviti, seterusnya menjamin kelestarian FELDA.

## **‘REVITALISE’ – PEMERKASAAN**

Saudara dan saudari yang saya kasihi sekalian,

Untuk memperkasakan atau ‘revitalise’ FELDA sehingga kembali berdiri teguh, Kerajaan juga telah meluluskan penerbitan sukuk berjaminan kerajaan bernilai RM9.9 bilion bagi menambah baik model perniagaan FELDA. Sebahagian terbitan sukuk ini sedang digunakan untuk menstruktur semula pinjaman dengan institusi kewangan serta untuk mengambil alih FGV Holdings Berhad (FGV).

Saya percaya dengan penstruktur semula pinjaman-pinjaman tersebut, ia akan mengembalikan fokus FELDA terhadap usaha pemerkasaan perniagaan terasnya. Persetujuan Kabinet terhadap cadangan Pasukan Khas sebelum ini, juga telah membolehkan FELDA meningkatkan pegangan saham dalam FGV sehingga 81.3%. Saya difahamkan, perkembangan ini akan mewujudkan satu sinergi perladangan yang akan melonjakkan produktiviti seterusnya keuntungan Kumpulan FELDA. Di samping itu, peningkatan penglibatan FELDA dalam industri hiliran yang mempunyai nisbah keuntungan lebih tinggi pula akan membolehkan FELDA mencapai sasarannya untuk kembali mencatat keuntungan menjelang tahun 2023.

Selari dengan agenda nasional ke arah Revolusi Industri 4.0, FELDA telah pun mula melaksanakan sistem pertanian pintar bagi menguruskan 458 ribu hektar ladang FELDA dan peneroka di seluruh negara dengan menggunakan konsep pertanian jitu atau precision agriculture. Dengan kerjasama warga FELDA, sistem ini mampu menambah baik operasi perladangan menerusi pemantauan dan pengumpulan maklumat lebih terperinci, dan menjimatkan kos operasi sehingga lebih RM200 juta dalam masa 5 tahun.

## **‘REFORM’ – REFORMASI / PENYUSUNAN SEMULA**

Saudara Saudari yang saya kasihi sekalian,

Saya amat teruja berkenaan Program Pembangunan Peneroka (PPP) yang dirangka khusus untuk menggalakkan warga FELDA menceburi bidang keusahawanan sebagai batu loncatan bagi reformasi atau penyusunan semula komuniti FELDA yang berdikari dan lestari. Saya yakin penjayaan program ini dapat mengurangkan kebergantungan kepada kitaran harga komoditi serta dapat mempelbagaikan sumber pendapatan warga FELDA. InsyaAllah, pendekatan baru ini akan menjadikan FELDA sebagai satu contoh rangka tindakan untuk pembangunan luar bandar akan datang, sejajar dengan visi Wawasan Kemakmuran Bersama 2030 (WKB2030).

Jelas kini, terdapat peluang yang terbuka luas buat warga peneroka untuk turut sama dalam skala yang lebih besar, dalam usaha Kerajaan mengukuhkan jaringan jaminan makanan negara. Dengan memiliki bank tanah pertanian yang luas, adaptasi kemahiran dalam pertanian pintar serta inisiatif Program Pembangunan Peneroka yang diperkenalkan, saya percaya FELDA berada di posisi terbaik untuk menjadi peneraju utama sektor pengeluaran makanan negara dalam tempoh dekad ini.

## **PENUTUP**

Saudara Saudari yang saya kasihi sekalian,

Setelah 65 tahun penubuhannya, saya percaya warga FELDA kini sudah cukup matang. Setelah menerima pelbagai bantuan dan sokongan, kini anda semua tentunya sudah bersedia untuk menabur budi dengan menyumbang pula kepada masyarakat seluruhnya. Kita boleh berbangga apabila inisiatif “Sedekah” yang digerakkan oleh warga peneroka di seluruh negara berjaya mengumpulkan sehingga RM10 juta setakat ini. Jumlah sedekah bukanlah yang menjadi ukuran, sebaliknya yang lebih penting adalah kesedaran dan kesediaan untuk mengorbankan sedikit harta dan pendapatan bagi membantu mereka yang memerlukan. Saya berharap lebih banyak inisiatif prihatin sebegini dapat dilaksanakan dan dijayakan, selari dengan tema Hari Peneroka pada tahun ini iaitu, “Anjakan Minda Peneroka”.

Kerajaan akan sentiasa komited dalam mendokong usaha murni membantu membangunkan komuniti peneroka FELDA. Namun segala inisiatif yang disusun harus sentiasa disambut dan dimanfaatkan sebaik-baiknya oleh sekalian warga FELDA dengan semangat dan keazaman yang jitu, agar usaha menaik taraf sosio-ekonomi peneroka dapat terus diperkasakan bagi menjamin masa depan generasi baru peneroka.

Saya percaya kita sedang sama-sama menyaksikan permulaan baharu FELDA. Terima kasih kepada generasi terdahulu yang telah membantu meletakkan batu asas yang kukuh dalam usaha membangunkan FELDA. Dalam mendepani dekad-dekad yang mendatang, telah tiba masanya bagi generasi baharu FELDA pula untuk tampil menggalas cabaran dan tanggungjawab mengemudi bahtera perubahan FELDA.

Akhir kata, saya sekali lagi ingin mengucapkan Selamat Hari Peneroka Felda kepada warga peneroka serta tahniah kepada pemenang-pemenang anugerah FELDA tahun ini. Dengan lafaz Bismillahirrahmanirrahim saya dengan sukacitanya melancarkan sambutan Hari Peneroka FELDA 2021.

Wabillahi al-Taufik Wal Hidayah Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

**Copyright of the Prime Minister's Office Official Website**

Source: <https://www.pmo.gov.my/2021/07/teks-ucapan-sambutan-hari-peneroka-felda-2021/>